

UMS anjur Program Kemampunan Kepimpinan

UB 11.2.2015 A3

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL
& ALLAN KOSIDI ANDREW

KOTA KINABALU: Dalam memastikan kelestarian berterusan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi menganjurkan Program Kemampunan Kepimpinan yang disertai kira-kira 35 peserta.

Berlangsung selama tiga hari iaitu bermula 10 hingga 12 Februari, peserta yang terlibat adalah terdiri daripada ahli akademik, pentadbir serta pelajar.

Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus UMS Dr Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul (*gambar*) berkata, objektif penganjuran program itu adalah untuk melahirkan kepimpinan yang mempunyai kesedaran tinggi dalam aspek kemampunan alam sekitar.

"Selain itu, ia adalah antara objektif kita yang mahu menjadikan universiti yang mementingkan kelestarian persekitaran.

"Justeru, ini adalah antara sebab kita melancarkan Eco Campus pada tahun 2013 yang menjadi sebahagian daripada program ini," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Program Kemampunan Kepimpinan di Bangunan Canselor UMS, kelmarin.

Dalam pada itu katanya, pada hari pertama peserta



akan didedahkan teori yang melibatkan kelestarian dan kepimpinan.

Manakala pada hari kedua dan ketiga, peserta akan dibawa ke tempat yang mempunyai contoh kelestarian untuk pengalaman bagi melahirkan pemimpin yang berkemahiran.

"Kita juga akan ke Kampung Tudan Tuaran untuk melawat projek *Japan International Cooperation Agency - Sustainable Development for Biodiversity and Ecosystem Conservation (JICA-SDBEC)*.

"Selain melakukan kajian saintifik, peserta juga akan mendalamai maksud kelestarian dan merasai pengalaman di kawasan pedalaman," katanya.

Hadir sama, Dekan Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan Prof Madya Dr Rashid Mail.